

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN

[SUBANG]

TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)

MENJAWAB

SOALAN NO 1

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan dan garis masa terhadap pemindahan kuasa untuk melantik Ketua SPRM kepada Parlimen dengan meminda Akta SPRM 2009 selaras dengan manifesto Pakatan Harapan.

JAWAPAN:

Jawapan ini akan dijawab bersekali untuk soalan-soalan berikut:

- (a) Pertanyaan lisan nombor oleh YB Bukit Gantang pada 4 Julai 2019;
- (b) Pertanyaan lisan oleh YB Kuala Krau pada 10 Julai 2019.
- (c) Pertanyaan lisan oleh YB Wangsa Maju pada 16 Julai 2019

Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 5 Akta SPRM 2009 yang menyatakan secara jelas bahawa Yang di-Pertuan Agong hendaklah melantik Ketua Pesuruhjaya SPRM di atas nasihat Perdana Menteri.
2. Pada masa yang sama, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustaffa Billah Shah telah memperkenankan pelantikan Puan Latheefa Koya sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM bagi tempoh dua tahun iaitu mulai 1 Jun 2019 sehingga 31 Mei 2021. Majlis mengangkat sumpah pelantikan tersebut juga telah diadakan di Istana Negara pada 25 Jun 2019.

NO. SOALAN : 1

3. Berkenaan dengan isu pemindahan kuasa melantik ketua SPRM kepada Parlimen, saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini bahawa sebanyak enam (6) Jawatankuasa Pilihan Khas (*Special Select Committee*) telah ditubuhkan termasuk Jawatankuasa Pilihan Khas Untuk Melantik Jawatan-Jawatan Utama Perkhidmatan Awam sebagai perintis berdasarkan kepentingan dan hala tuju negara yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat pada Khamis, 16 Ogos 2018 semasa Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Keempat Belas.
4. Jawatankuasa Pilihan Khas Untuk Melantik Jawatan-Jawatan Utama Perkhidmatan Awam berfungsi untuk meneliti pelantikan jawatan-jawatan penting dalam negara seperti pelantikan ke Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman Malaysia bagi memastikan ia dilantik berdasarkan merit.
5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Pilihan Khas ini telah bermesyuarat sebanyak enam (6) kali bagi menjalankan fungsi-fungsinya dan telah menetapkan rangka kerja sepanjang tahun berdasarkan terma rujukan yang telah ditetapkan. Walau

NO. SOALAN : 1

bagaimanapun, Jawatankuasa ini mendapati bahawa proses pelantikan jawatan-jawatan utama dalam perkhidmatan awam ini adalah unik dan berbeza bagi setiap jawatan dan agensi. Oleh yang demikian, Jawatankuasa ini sedang mengkaji mekanisme terbaik agar dapat menjalankan fungsi dan peranan yang lebih jelas dalam proses pelantikan jawatan-jawatan utama.

Sekian, terima kasih.